



**KEMENTERIAN  
PERPADUAN NEGARA**

**KENYATAAN MEDIA**

**LAWATAN KERJA YB MENTERI PERPADUAN NEGARA KE NEGERI  
SABAH PADA 10 HINGGA 13 SEPTEMBER, 2020**

---

Kota Kinabalu, 13 September 2020 – YB Menteri Perpaduan Negara telah mengadakan lawatan kerja ke Negeri Sabah pada 10 September hingga 13 September 2020.

2. Pada lawatan turun padang ini, YB Menteri Perpaduan Negara telah meluluskan peruntukan bagi kerja-kerja baik pulih dan naik taraf premis serta perolehan peralatan dan perabot untuk empat (4) buah PRT dan empat (4) Tabika Perpaduan di Putatan, Sembulan dan Kimanis.

3. Di negeri Sabah terdapat sebanyak 1,061 unit KRT, 142 Tabika Perpaduan dan 2 Taska Genius Perpaduan di 26 buah daerah.

4. Pada lawatan ini, YB Menteri Perpaduan Negara telah menyerahkan kit peralatan Skim Rondaan Sukarela (SRS) kepada KRT Bipisi, Bongawan yang mempunyai SRS paling aktif di negeri Sabah dan telah dicalonkan mewakili negeri Sabah ke Anugerah Perdana Rukun Tetangga Peringkat Kebangsaan 2020 yang akan berlangsung pada hujung tahun ini. Sebanyak 55 SRS di 14 buah daerah di Sabah akan turut menerima edaran kit peralatan ini dalam masa yang terdekat untuk digunakan semasa rondaan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

5. Sehingga Ogos 2020, Kementerian telah menyalurkan peruntukan geran kepada KRT, serta peruntukan tambah baik kepada Tabika Perpaduan dan Taska Genius Perpaduan di Sabah seperti berikut:

Bil.	Jentera Perpaduan	Bilangan	Jumlah
A.	Kawasan Rukun Tetangga (KRT)	1,061	RM5,069,500
B.	Tabika Perpaduan	21	RM508,780
C.	Taska Genius Perpaduan	2	RM40,000
<b>JUMLAH BESAR</b>			<b>RM5,618,280</b>

6. Selain daripada itu, Kementerian turut menyalurkan peruntukan bantuan COVID-19 berjumlah RM303,226.00 seperti berikut:

Bil	Jentera Perpaduan	Jenis Peruntukan	Jumlah
A.	Skim Rondaan Sukarela (SRS)	Pembelian peralatan rondaan SRS	RM79,750
B.	Tabika Perpaduan	Sanitasi dan penyediaan premis, pembelian <i>hand sanitiser</i> dan pelitup muka.	RM216,976
C.	Taska Genius Perpaduan		RM6,000
<b>JUMLAH BESAR</b>			<b>RM303,226</b>

7. Negeri Sabah merupakan lawatan turun padang YB Menteri Perpaduan Negara yang ke-enam (6) dalam siri lawatan beliau melawat Jentera Perpaduan di seluruh Malaysia selepas penubuhan Kementerian ini pada 10 Mac 2020.

## **Kementerian Perpaduan Negara**

13 September 2020

**-TAMAT-**

### ***Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:***

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

### **Pertanyaan media:**

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 / 569

E-mail: [pro@perpaduan.gov.my](mailto:pro@perpaduan.gov.my)

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (25)